

Sejarah Asal Usul Iranun dan Balangingi di Tungku, 1840-1879

ABSTRACT

Artikel ini mengupas tentang sejarah asal usul Iranun dan Balangingi di kawasan Tungku, Lahad Datu. Kedua-dua suku kaum ini merupakan antara suku kaum yang sebahagian besarnya terlibat dengan aktiviti ekonomi berasaskan kelautan. Terdapat juga sebahagian suku kaum ini yang terlibat dalam menjalankan aktiviti kegiatan pelanunan di kawasan Asia Tenggara. Kegiatan pelanunan telah dikaitkan dengan suku kaum ini disebabkan kemahiran pelayaran. Budaya cara hidup suku kaum ini khususnya yang menjalankan aktiviti pelanunan dan penculikan hamba di sepanjang perairan Kepulauan Borneo telah menyebabkan mereka telah ditakuti oleh para pelayar. Kajian ini menggunakan metode kualitatif iaitu temu bual selain sumber rujukan dan akhbar dan buku. Hasil kajian awal mendapati kedudukan geografi menjadi salah satu pemangkin kehadiran mereka di kawasan Tungku, Lahad Datu.